

**Pindaan: S'gor mahu kuasa lantik pegawai tingginya**  
**Malaysiakini.com**  
**January 14, 2011**

Pertelingkahan yang berterusan berhubung isu pelantikan Datuk Mohd Khusrin Munawi sebagai setiausaha kerajaan negeri telah mendorong Selangor untuk mendapatkan haknya untuk melantik pegawai tertinggi dalam jawatan utama sektor awam atau Jusa A.

Sehubungan itu, Selangor akan mengambil langkah meminda perlembagaan negeri untuk memberi kuasa kepada suruhanjaya perkhidmatan awam negeri itu, melantik kakitangan awam ke jawatan tertinggi, termasuk jawatan setiausaha kerajaan negeri, kata exco kerajaan negeri, Teresa Kok.

Teresa (kanan) mendedahkan butiran tersebut yang akan dibentangkan dalam sidang DUN pada 24 Januari ini, di sebuah forum di Dewan Perhimpunan Cina Kuala Lumpur dan Selangor (KLSC) di ibunegara malam tadi.

Katanya, kerajaan negeri akan meminda Perkara 52 (1) perlembagaan negeri supaya tiga jawatan terpenting - setiausaha negeri, pegawai kewangan negeri dan penasihat undang-undang negeri - dilantik oleh suruhanjaya perkhidmatan awam Selangor.

Kerajaan negeri juga akan membentangkan satu lagi usul untuk membolehkan suruhanjaya perkhidmatan awam negeri, memilih dan menaikkan pangkat pegawai kanan perkhidmatan awam, seperti ditetapkan dalam Perkara 97 (1).

Pada masa ini, bidangkuasa suruhanjaya itu hanya terhad kepada kakitangan awam Gred Khas atau Jusa B, manakala suruhanjaya perkhidmatan persekutuan membuat kuasa untuk melantik tiga jawatan tertinggi negeri itu.